



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 11 OGOS 2025

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PERKUKUH SEKTOR PERTANIAN DALAM TVET – AHMAD ZAHID, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA – 3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
2.	TVET CAN HELP REDUCE FOOD IMPORTS, NATION, THE STAR – 2	
3.	ZAHID: BEEF UP AGRO INDUSTRY WITH TVET, NATION, NST – 8	
4.	TVET PERKASA INDUSTRI PERTANIAN, NASIONAL, BERITA HARIAN – 6	
5.	HARGA MAKANAN DUNIA MELONJAK PARAS TERTINGGI, DUNIA, KOSMO – 27	
6.	EHSAN DAIRY FARM PERKASA INDUSTRI TENUSU NEGARA, NASIONAL, SINAR HARIAN – 6	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
7.	EHSAN DAIRY FARM LANGKAH BERANI PKPS, NASIONAL, SINAR HARIAN – 9	
8.	'BERI UPAH PEKERJA MAHIR RM3,000', NEGARA, KOSMO – 6	
9.	CUCUMBER FARMING BOOSTS VILLAGE INCOME, NATION, THE STAR – 11	
10.	MINTA DIBINA KLINIK HAIWAN DI PULAU PANGKOR, NEGARA, KOSMO – 11	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
11.	16 TONNES OF SMUGGLED PORK SEIZED, NATIONAL, THE SUN – 5	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
12.	PROGRAM SMART SBB BERNAS BANTU TINGKAT PENGELUARAN PADI DI SABAH, NEGARA, KOSMO – 5	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
13.	KUKUH NAMA P.PINANG DI PETA DUNIA NEGARA, NEGARA, KOSMO – 12	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	KUANTAN	MUKA SURAT
11/8/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3

Perkukuh sektor pertanian dalam TVET - Ahmad Zahid

Oleh MOHAMAD
HAFIZ YUSOFF BAKRI
hafiz.yusoff@mediamulia.com.my

KUALA KUBU BHARU: Sektor pertanian negara perlu diperkukuh dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (TVET) bagi mengurangkan kebergantungan import makanan negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, ia penting bagi memastikan keterjaminan makanan terus terjaga pada masa akan datang.

Katanya, Majlis TVET Negara bersedia menyalurkan bantuan dan bekerjasama dengan institusi latihan pertanian seluruh negara agar inisiatif dilaksanakan menerusi kursus bercirikan teknologi tinggi.

"Modul tersedia selama ini baik tetapi pada hemat saya, penggunaan Internet benda (IoT) dan pedagogi pengajaran untuk mereka (TVET) ini penting.

"Perlu 30 peratus sahaja pembelajaran di dalam kelas manakala 70 peratus mesti berada di lapangan bagi memberikan pendedahan bidang pertanian kepada mereka," katanya selepas merasmikan Majlis Pecah Tanah Kompleks Lembu Tenusu Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) Ehsan Dairy Farm semalam.

Ahmad Zahid dalam pada itu berkata, graduan TVET dalam



AHMAD Zahid Hamidi (tengah) melihat jagung yang digunakan sebagai makanan lembu ketika melawat ke Ladang PKPS Sungai Tenggi sempena Majlis Pecah Tanah 'Ehsan Dairy Farm' di Kuala Kubu Bharu, semalam.

bidang pertanian perlu diberikan gaji dengan kadar tinggi dan bukannya terikat dengan gaji minimum RM1,700 untuk menarik minat generasi muda menyertai sektor berkenaan.

Katanya, graduan TVET khususnya pemegang Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap Tiga layak menerima gaji minimum RM3,000 manakala pemegang SKM Tahap Lima berpeluang mendapat hingga RM5,000 sebulan.

"SKM Tahap Lima setaraf dengan diploma, lazimnya daripada permintaan pasaran

atau kebolehgajian cukup tinggi, ia mencecah gaji premium kira-kira RM5,000 dan hal ini tentunya akan menarik anak-anak muda untuk menceburi bidang ini," katanya.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid berkata, pembukaan Ehsan Dairy Farm, merupakan pencetus perubahan PKPS dalam usaha meningkatkan pengeluaran tenusu tempatan sekaligus membantu mengurangkan kebergantungan pengimportan produk berkenaan di negara ini.

"Kita mengimport kira-kira

94.7 peratus keperluan tenusu negara bernilai RM4.6 juta setahun. Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) ketika pembentangan Rancangan Malaysia Ke-13 baru-baru berkata beban yang agak besar adalah apabila kita mengimport bahan-bahan makanan termasuk tenusu ini dari luar negara.

"Jadi usaha PKPS ini adalah satu usaha yang proaktif agar akhirnya nanti kita akan dapat mengurangkan (kebergantungan import tenusu) dengan jumlah yang besar secara signifikan," katanya.

11/8/2025

THE STAR

NATION

2

TVET can help reduce food imports

Zahid: Vocational education and youth power can boost agriculture sector

KUALA KUBUBARU: The national agriculture industry needs to be strengthened through Technical and Vocational Education and Training (TVET) to reduce dependence on food imports, says Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

The Deputy Prime Minister said the move is important to ensure food security, including in the dairy sector, and to meet the needs of the domestic market.

Ahmad Zahid said the National TVET Council is prepared to channel assistance and work with agricultural training institutions nationwide to implement the initiative, especially through high-tech courses, to woo the young.

"The existing modules are good, but in my view, integrating the Internet of Things (IoT) and modern teaching pedagogy into TVET is essential.

"Learning should comprise only 30% classroom sessions, with the remaining conducted on field to give students real-world exposure to agriculture," Ahmad



Prized cattle: Ahmad Zahid (fourth from left) and entourage getting a tour of the Ehsan Dairy Farm in Kuala Kubu Baru, Selangor.
— Bernama

ability, holders can command a premium salary of about RM5,000. This will certainly encourage young people to venture into this field," he said. Bernama reported.

On the Ehsan Dairy Farm, Ahmad Zahid described it as a game changer for PKPS in its efforts to boost local dairy production, thus helping to reduce reliance on imports.

"We import about 94.7% of the country's dairy needs, which is worth RM4.6mil a year. The Prime Minister, when tabling the 13th Malaysia Plan, highlighted that one of the significant burdens we face is the need to import food products, including dairy.

"This PKPS initiative is a proactive step towards significantly reducing our reliance on dairy imports," he said.

The Ehsan Dairy Farm, expected to begin operations early next year, is located on the 16.7ha Sungai Tenggi PKPS Farm.

It will house more than 1,200 high-quality Jersey-Holstein Friesian dairy cows from Australia.

He said TVET graduates holding the Malaysian Skills Certificate (SKM) Level Three were eligible to receive a minimum salary of RM3,000, while those with SKM Level Five qualifications can earn up to RM5,000 a month.

"SKM Level Five is equivalent to a diploma, and due to strong market demand and high employ-

ment opportunities, it is also Rural and Regional Development Minister, said premium salaries should be offered to TVET graduates in the agriculture sector, instead of the minimum RM1,700 wage, to attract more youths.

Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi.

Ahmad Zahid, who is also Rural and Regional Development Minister, said premium salaries should be offered to TVET graduates in the agriculture sector, instead of the minimum RM1,700 wage, to attract more youths.

Zahid, who is the Council chairman, said after performing the groundbreaking ceremony of the Selangor Agricultural Development Corp's "Ehsan Dairy Farm" dairy cattle complex here yesterday.

Also present were Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari and PKPS Group CEO Datuk

FOOD SECURITY GOAL

ZAHID: BEEF UP AGRO INDUSTRY WITH TVET

National TVET Council ready to collaborate with efforts to draw in youths

KUALA KUBU BARU

THE country's agricultural industry needs to be strengthened through technical and vocational education and training (TVET) to reduce dependence on food imports, said Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

He added that the move was important to ensure food security — including in the dairy sector — and meet the needs of the domestic market.

Zahid, who is also rural and regional development minister, said the National TVET Council

was prepared to channel assistance and collaborate with agricultural training institutions nationwide to implement the initiative, especially through high-tech courses to attract youths.

"The existing modules are good, but in my view, integrating the Internet of Things (IoT) and modern teaching pedagogy into TVET is essential.

"Learning should comprise only 30 per cent classroom sessions, with the remaining 70 per cent conducted in the field to give students real-world exposure to agriculture," said Zahid, who is also the National TVET Council chairman.



Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (right) listening to Selangor Agricultural Development Corporation (PKPS) group chief executive officer Datuk Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi explaining the layout of the Ehsan Dairy Farm dairy cattle complex at the Sungai Tenggi PKPS Farm in Kuala Kubu Baru yesterday. BERNAMA PIC

He said this at a press conference after opening the groundbreaking ceremony of the Selangor Agricultural Development Corporation's (PKPS) Ehsan Dairy Farm dairy cattle complex here yesterday.

Present were Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari and PKPS group chief executive officer Datuk Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi.

Zahid said premium salaries should be offered to TVET graduates in the agricultural sector, rather than a RM1,700 minimum wage.

He said TVET graduates holding the Malaysian Skills Certificate (SKM) Level Three were el-

igible to receive a minimum salary of RM3,000, while those with SKM Level Five qualifications could earn up to RM5,000 a month.

"SKM Level Five is equivalent to a diploma, and due to strong market demand and high employability, it can command a premium salary of around RM5,000.

"This will encourage young people to venture into this field."

On the Ehsan Dairy Farm, Zahid described it as a game changer for PKPS in boosting local dairy production.

"We import 94.7 per cent of the country's dairy needs, which is worth RM4.6 million a year.

"The prime minister (Datuk Seri Anwar Ibrahim), when tabling the 13th Malaysia Plan recently, highlighted that one of the significant burdens we face is the need to import food products, including dairy, from abroad.

"This initiative is a step towards significantly reducing our reliance on dairy imports," he said.

The Ehsan Dairy Farm, expected to begin operations early next year, will be located on 16.7 hectares of land at the Sungai Tenggi PKPS Farm.

It will house more than 1,200 high-quality Jersey-Holstein Friesian dairy cows from Australia. **Bernama**

TVET perkasa industri pertanian

Kerajaan sedia
salur bantuan,
bekerjasama
dengan institusi
latihan laksana
inisiatif: TPM

Oleh Amirul Aiman Hamsiddin
bhnews@bh.com.my

Kuala Kubu Baru: Industri pertanian negara perlu diperkukuh melalui Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan. Timbalan Perdana Menteri,

Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata langkah itu penting dalam memastikan ketenteraman makanan, termasuk sektor tenusu bagi memenuhi kehendak pasaran tempatan.

Beliau berkata, Majlis TVET Negara bersedia menyalurkan bantuan dan bekerjasama dengan institusi latihan pertanian seluruh negara bagi melaksanakan inisiatif berkenaan, termasuk melalui latihan teknologi tinggi untuk menarik minat golongan anak muda.

"Modul tersedia selama ini baik, tetapi pada hemat saya, penggunaan internet benda (IoT) dan pedagogi pengajaran untuk mereka (TVET) ini penting."

"Perlu 30 peratus sahaja pembelajaran di dalam kelas, manakala 70 peratus mesti berada di

lapangan bagi memberikan pendidikan bidang pertanian kepada mereka," katanya yang juga Pengerusi Majlis TVET Negara.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Pecah Tanah Kompleks Lembu Tenusu Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) Ehsan Dairy Farm' di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, PKPS, Datuk Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi.

Tawarkan gaji premium

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, gaji premium perlu ditawarkan kepada graduan TVET dalam bidang pertanian dan bu-

patan, sekali gus membantu mengurangkan kebergantungan pengimportan produk berkenaan di negara ini.

"Kita mengimport 94.7 peratus keperluan tenusu negara. Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) ketika pembentukan Rancangan Malaysia Ke-13 baru-baru berkata beban yang agak besar adalah apabila kita mengimport bahan makanan, termasuk tenusu ini dari luar negara."

"Jadi, usaha PKPS ini satu usaha proaktif agar akhirnya nanti kita akan dapat mengurangkan import tenusu," katanya.

kannya terikat dengan gaji minimum RM1,700 bagi menarik minat generasi muda menyertai sektor berkenaan.

Beliau berkata, graduan TVET khususnya pemegang Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap Tiga layak menerima gaji minimum RM3,000, manakala pemegang SKM Tahap Lima berpeluang mendapat hingga RM5,000 sebulan.

Mengenai Ehsan Dairy Farm, Timbalan Perdana Menteri berkata, syarikat itu pencetus perubahan dalam usaha meningkatkan pengeluaran tenusu tem-

Ibadat & Fasiliti

Abu Hurairah RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Allah SWT berfirman: "Semua amal ibadat anak Adam adalah bagi dirinya sendiri kecuali ibadat puasa. Sesungguhnya ibadat puasa itu adalah untuk-Ku dan Aku sendiri akan mengurniakan ganjaran pahala baginya." (HR Bukhari dan Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:03	1:26	4:42	7:36	8:48
Alor Setar	6:02	1:26	4:42	7:35	8:47
P. Pinang	6:04	1:26	4:43	7:34	8:46
Ipoh	6:03	1:24	4:41	7:31	8:43
Kuala Lumpur	6:01	1:21	4:39	7:28	8:39
Shah Alam	6:01	1:21	4:39	7:28	8:39
Johor Bahru	5:55	1:13	4:32	7:17	8:28
Kuantan	5:56	1:16	4:34	7:21	8:33
Seremban	6:01	1:20	4:38	7:25	8:37
Bandar Melaka	6:00	1:19	4:38	7:24	8:35
Kota Bharu	5:56	1:19	4:35	7:28	8:36
K. Terengganu	5:53	1:15	4:32	7:23	8:35
Kota Kinabalu	5:00	12:23	3:40	6:32	7:44
Kuching	5:30	12:48	4:07	6:52	8:03



Ahmad Zahid bersama Aminuddin melihat bahan makanan lembu tenusu selepas merasmikan Majlis Pecah Tanah Kompleks Lembu Tenusu PKPS Ehsan Dairy Farm' di Kuala Kubu Baru, semalam. (Foto BERNAMA)



PENIAGA
menunggu
pelanggan membeli
sayur-sayuran
di pasar Denpasar,
Indonesia
13 Januari lalu.

- Dipacu permintaan tinggi daging dan minyak masak
- Indeks Julai tertinggi dalam tempoh dua tahun

PARIS – Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) mengumumkan harga global bagi komoditi makanan asas bulan lalu meningkat ke paras tertinggi dalam tempoh lebih dua tahun, lapor portal berita Qatar Tribune semalam.

Dalam laporan dikeluarkan pada Jumaat lalu, FAO menyatakan, Indeks Harga Makanan yang merupakan penanda aras global untuk menjejak harga komoditi makanan mencapai 130.1 mata pada Julai 2025.

Menurut FAO, ia merupakan peningkatan 1.6 peratus berbanding Jun lepas.

Ia juga angka tertinggi sejak Februari 2023, walaupun masih 18.8 peratus lebih rendah daripada paras tertinggi yang direkodkan pada Mac 2022 selepas perang antara Russia dan Ukraine meletus.

Menurut agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu itu, peningkatan harga daging dan minyak sayuran pada Julai lepas mengimbangi penurunan ketara harga bijirin, produk tenusu dan gula.

Indeks harga daging mencatat rekod baharu 127.3 mata, naik 1.2 peratus daripada rekod sebelumnya pada Jun lalu.

Ia berikutan permintaan tinggi dari China dan Amerika Syarikat (AS) yang mendorong kenaikan harga daging lembu dan biri-biri, kata FAO.

Import daging lembu AS meningkat selepas kemarau menyebabkan penurunan jumlah ternakan lembu domestik.

Beijing pula membawa masuk daging lembu yang mencipta rekod tahun lalu susulan peningkatan penduduk walaupun siasatan rasmi gagal mengenal pasti punca sebenar kenaikan import barang makanan itu di China.

Dalam pasaran daging lain,

Harga makanan dunia melonjak paras tertinggi



ATAS: Kamplit beras dijual di sebuah kedai di Tokyo, Jepun, bulan lalu. – AFP



KIRI: Seorang lelaki membeli ikan di pasar di Rabat, Maghribi, Mac lalu. – AFP

harga ayam meningkat sedikit selepas pembeli utama menyambung semula import ayam Brazil selepas negara itu mendapatkan semula status bebas selesema burung.

Sebaliknya, harga daging babi menurun disebabkan bekalan yang mencukupi dan permintaan lebih rendah, khususnya di Kesatuan Eropah, tambah FAO.

Indeks minyak sayuran FAO

melonjak kepada 166.8 mata, meningkat 7.1 peratus berbanding bulan sebelumnya dan merupakan paras tertinggi dalam tempoh tiga tahun.

Menurut FAO, kenaikan itu dipacu oleh harga lebih tinggi bagi minyak sawit, soya dan bunga matahari susulan permintaan kukuh di peringkat global dan bekalan yang ketat.

Harga bijirin pula jatuh 3 peratus berbanding bulan sebelumnya disebabkan oleh ramalan pengeluaran yang lebih baik di negara-negara pengeksport utama seperti Kazakhstan dan Ukraine.

Harga eksport jagung juga menurun berikutan jangkaan peningkatan pengeluaran di Argentina dan Brazil.

Sementara itu, harga produk tenusu meningkat 1.2 peratus dan indeks gula naik 1.9 peratus, sebahagiannya disebabkan hasil tuaian di Brazil pada Mei lalu lebih rendah daripada jangkaan, demikian menurut FAO.

Pertubuhan itu mengesahkan bahawa peningkatan kukuh harga daging dan minyak sayuran pada bulan lalu telah mengatasi penurunan harga bijirin, tenusu, dan gula.

Indeks harga beras bagaimanapun turun 1.8 peratus bulan lalu, dipacu oleh bekalan eksport yang mencukupi dan permintaan import yang lemah.

Keadaan itu menyebabkan harga makanan global mencatatkan trend peningkatan yang ketara dalam beberapa bulan-bulan akan datang. – AGENSI

11/8/2025

SINAR
HARIAN

NASIONAL

8

Projek tenusu PKPS
jadi pemangkin
ke pasaran eksport

Oleh MOHD IZZATUL
IZUAN TAHIR
KUALA SELANGOR

Model pembangunan industri tenusu di Rotorua, New Zealand yang berjaya menembusi pasaran 130 negara wajar dijadikan panduan kepada Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) bagi meningkatkan hasil pengeluaran tempatan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, pendekatan negara itu menggabungkan teknologi moden, pengurusan efisien dan kerjasama komuniti telah membawa kejayaan besar.

"Rotorua ada 8,000 hektar tanah untuk industri tenusu. Walaupun Selangor tidak mempunyai keluasan sebesar itu, teknologi moden boleh membantu meningkatkan produktiviti," katanya.

Beliau berkata demikian semasa Majlis Pecah Tanah Kompleks Lembu Tenusu PKPS 'Ehsan Dairy Farm' di Ladang Sungai Tenggi di sini pada Ahad.

Turut hadir, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari; Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Datuk Ir Izham Hashim serta Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKPS, Datuk Dr Mohamad Khairil Mohd Razi.

Ahmad Zahid menegaskan, projek tenusu PKPS harus menjadi pemangkin untuk membawa hasil tempatan ke pasaran eksport, bukan sekadar memenuhi permintaan domestik.

"Saya tidak mahu projek hanya gah ketika pecah tanah tetapi gagal selepas beberapa tahun. Kalau Rotorua boleh, kita juga mampu lakukan," jelas beliau.

Ahmad Zahid dalam pada itu memuji langkah PKPS yang disifatkan sebagai *game changer* dalam usaha

Ehsan Dairy Farm perkasa industri tenusu negara



FOTO: ROSLI TAHIR

Ahmad Zahid (tiga dari kiri) bergambar selepas menandatangani plak selepas Majlis Pecah Tanah Kompleks Lembu Tenusu PKPS Ehsan Dairy Farm' di Ladang Sungai Tenggi pada Ahad.

mengurangkan kebergantungan negara terhadap import makanan.

Beliau berkata, kebergantungan Malaysia terhadap bahan makanan khusus kini mencecah 94.7 peratus dengan nilai import RM4.63 juta setahun, satu jumlah yang dilihat tinggi bagi jaminan keselamatan makanan negara.

"Langkah PKPS bekerjasama dengan perbadanan kemajuan pertanian negeri lain untuk meningkatkan pengeluaran makanan domestik wajar dipuji, bukan sahaja oleh rakyat Selangor tetapi seluruh Malaysia," ujar beliau.

Perkasa TVET dalam pertanian

Dalam pada itu, Ahmad Zahid turut



AHMAD ZAHID

MOHAMAD KHAIRIL

menekankan kepentingan penggunaan teknologi moden dan kemahiran menerusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi menarik minat golongan muda menyertai sektor pertanian.

"Saya sendiri akan mempertimbangkan peruntukan khas kepada PKPS untuk melatih belia dalam bidang pertanian menggunakan institusi TVET sedia ada," katanya.

Bercakap semasa sidang akhbar pula, Ahmad Zahid berkata, pemegang Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 kini menikmati gaji minimum RM3,000 sebulan, manakala pemegang SKM Tahap 5 boleh memperoleh sehingga RM5,000.

Menurutnya, penetapan gaji premium itu adalah hasil saranan Majlis TVET Negara bagi mengiktiraf kemahiran tinggi sekali gus menarik minat golongan muda menceburi bidang teknikal termasuk pertanian moden.

"Jangan lagi terikat pada gaji minimum RM1,700 kerana dengan kemahiran diiktiraf melalui SKM Tahap 3 dan Tahap 5, graduan TVET berpeluang meraih pendapatan setanding dengan kepakaran mereka," tambah beliau.

Menurut Ahmad Zahid, latihan TVET dalam sektor pertanian perlu memberi lebih pendedahan praktikal iaitu 70 per-

atus di lapangan dan hanya 30 peratus di bilik kuliah.

Buka peluang pekerjaan

Sementara itu, Mohamad Khairil berkata, projek ternakan tenusu itu dijangka menghasilkan dua juta liter susu setahun apabila beroperasi sepenuhnya pada Februari tahun depan.

Katanya, kompleks ternakan seluas 16.8 hektar itu dilengkapi tiga kandang, stor simpanan jentara dan teknologi moden dari Ireland melalui kerjasama dengan Dairy Master.

"Kami menggunakan sistem 'rapid exit' yang mampu memerah susu 60 ekor lembu serentak selain teknologi IoT (Internet of Things) dengan kolar pintar bagi memantau kesihatan serta tahap stres lembu," katanya.

Setakat ini katanya, sebanyak 120 ekor baka Jersey Holstein Friesian (F2) dari Australia sudah dibawa masuk kerana tahan cuaca panas dan berproduktiviti tinggi, manakala 350 ekor lagi akan tiba September depan.

"Projek ini turut membuka sekurang-kurangnya 100 peluang pekerjaan termasuk pemandu jentara, doktor veterinar, pakar pengurusan ternakan dan pekerja ladang," jelas beliau.

Menurut Mohamad Khairil, pekerja di ladang itu juga akan menerima gaji premium minimum RM2,500 hasil model yang berjaya dilaksanakan PKPS bersama kementerian berkaitan sebelum ini.

"Kami juga akan melatih belia melalui program TVET di ladang ini dan merancang mewujudkan ladang sate-lit bersama masyarakat tempatan.

"Matlamat utama PKPS ialah memastikan bekalan susu tempatan mencukupi sebelum meneroka pasaran eksport," tambah beliau.



Ahmad Zahid (tengah) diiringi Amirudin (kiri) dan Mohamad Khairil (kanan) melawat tanaman jagung bijirin selepas Majlis Pecah Tanah Kompleks Lembu Tenusu PKPS 'Ehsan Dairy Farm' di Ladang Sungai Tenggi pada Ahad.

Ehsan Dairy Farm langkah berani PKPS

Pastikan Selangor kekal peneraju sekuriti makanan negara

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
KUALA SELANGOR

Projek Kompleks Lembu Tenuku Ehsan Dairy Farm yang dibangunkan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) bukan sekadar pembuka sebuah ladang baharu, sebaliknya langkah berani dan strategik bagi memastikan Selangor kekal sebagai peneraju sekuriti makanan negara.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, sebagai negeri paling maju dan padat penduduk di Malaysia, Selangor tidak boleh hanya bergantung sebagai pengguna semata-mata.

"Kita mesti tampil sebagai peneraju dalam aspek bekalan daripada sawah padi hingga penternakan ayam, daripada

kebun sayur hingga ladang tenuku moden yang mampu menyumbang kepada keperluan negara," katanya.

Beliau berkata demikian semasa Majlis Pecah Tanah Kompleks Lembu Tenuku PKPS 'Ehsan Dairy Farm' di Ladang Sungai Tinggi di sini pada Ahad.

Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKPS, Datuk Dr Mohamad Khairil Mohd Razi.

Dalam pada itu, Amirudin berkata, kerajaan Selangor akan memberi tumpuan kepada menyediakan keselamatan bekalan makanan sebagai sebahagian daripada Rancangan Selangor yang bakal dibentuk untuk pembangunan negeri pada masa depan.

Beliau berkata, walaupun negeri itu bukan pengeluar utama negara seperti negeri di Pantai Timur yang diiktiraf sebagai 'kawah makanan' dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), langkah untuk menjadikan Selangor lebih berdaya adalah keutamaan.

"Paling tidak, kita mahu negeri dan penduduknya mampu berdaya dalam aspek bekalan makanan. Dengan kepadatan penduduk yang tinggi, kita perlu

membina ekosistem terbaik bagi memastikan keperluan ini dipenuhi," katanya.

Amirudin menjelaskan, walaupun jumlah pengeluaran kecil, usaha memastikan negeri mampu berdaya dari segi makanan akan memberi impak besar, terutama sebagai negeri dengan kepadatan penduduk tertinggi.

Menurutnya, kelebihan Selangor yang memiliki Pelabuhan Klang dan ke-

mungkinan pembinaan pelabuhan ketiga pada masa depan akan menjadi faktor utama kelancaran logistik dan bekalan makanan.

"Kita mahu pastikan bekalan sampai tepat pada masanya dan mengukuhkan kedudukan negeri sebagai hab logistik terbaik negara," katanya.

Jelas beliau, keamanan dan kestabilan menjadi asas penting bagi memastikan Selangor terus berkembang pesat dan mampu melaksanakan pelbagai agenda

pembangunan negeri.

"Tanpa kestabilan, negeri tidak dapat mempertahankan kepentingan sendiri apatah lagi memberi manfaat kepada pihak lain. Pengalaman beberapa tahun lalu menunjukkan, apabila tiada kestabilan, kita gagal melihat serta menyelesaikan isu tempatan.

"Sebab itu hubungan baik dengan pentadbiran pusat perlu dipertahankan demi kebaikan bersama," katanya.

FOTO: ROSLI TALIB



Amirudin (dua dari kiri) dan Mohamad Khairil (dua dari kanan) mengiringi Ahmad Zahid (tiga dari kanan) semasa melawat lagang bijirin selepas Majlis Pecah Tanah Kompleks Lembu Tenuku PKPS Ehsan Dairy Farm pada Ahad.

11/8/2025

KOSMO

NEGARA

8

'Beri upah pekerja mahir RM3,000'

- Jangan terikat gaji minimum RM1,700
- Bakal tarik minat orang muda sertai sektor perladangan

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

KUALA SELANGOR – Majikan digesa tidak terikat dengan gaji minimum RM1,700 terutama dalam menggajikan pekerja berkemahiran dalam pelbagai sektor termasuk perladangan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, ini selaras kemahiran dan pengetahuan dimiliki graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) terutama bagi pemegang Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dan ke atas.

Kata beliau, secara langsung dalam memberikan galakan terhadap penglibatan generasi muda dalam sektor berkemahiran dalam menjamin pengeluaran makanan negara.



AHMAD ZAHID (tengah) bersama Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari (kanan) ketika menandatangani plak pecah tanah Ehsan Dairy Farm di Kuala Selangor semalam.

cukup tinggi sehingga mencecah gaji premium sekitar RM5,000 yang akan menarik minat generasi muda.

Ujarnya, negara ketika ini bergantung kepada import sumber tenusu mencecah sehingga 94.7 peratus yang bernilai RM4.6 bilion.

"Majlis TVET Negara sedia membantu kepada institut latihan pertanian untuk melatih khususnya golongan muda terutama dalam bidang teknologi pertanian.

"Kesemua ini bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber import terhadap bekalan makanan termasuklah produk tenusu di negara ini sejajar dengan matlamat dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13)," katanya.

Beliau turut memaklumkan, permintaan industri terhadap graduan TVET cukup tinggi apabila institusi latihan sektor itu di bawah Majlis Amanah Rakyat (Mara) meningkat sehingga 98.7 peratus dan purata permintaan di seluruh negara adalah 95.1 peratus.

lima iaitu setara dengan diploma," katanya ketika ditemui pada majlis pecah tanah Ehsan Dairy Farm, di sini semalam.

Menurut beliau, berdasarkan permintaan pasaran adalah

butkan oleh Perdana Menteri daripada saranan yang dibuat oleh Majlis TVET negara, gajinya minimum adalah RM3,000 untuk yang memperolehi SKM Tahap 3 tadi, manakala yang bertahap

3 tadi, manakala yang bertahap

Cucumber farming boosts village income

GUA MUSANG: The government has allocated RM100,000 to assisting the Kampung Batu Papan community here in increasing their income through a hanging fertigation cucumber cultivation project.

Kampung Batu Papan Federal Village Development and Security Committee chairman, Mohd Iskandar Abu Bakar, said the project under the 'Program Sejahtera Komuniti Madani', is now in its third season and has sold over 15 tonnes of cucumbers.

The project began last August, he added, Bernama reported.

Mohd Iskandar said RM80,000 of the allocation was utilised for the fertigation project, including land rental, equipment purchase and working capital, while the remaining RM20,000 was allocated for a recycling project in the village.

Kampung Batu Papan Cucumber Fertigation project manager Muhammad Farid Abdul Hadi, 37, said the harvest is sold to wholesalers and at three supermarkets in Gua Musang, Kuala Lipis, and Raub, Pahang, at RM1.50 per kg.

"The third season began on June 16 and is now in its third week of harvesting and sales.

"About 4,000kg of cucumbers have been harvested, and we expect yield to exceed 7,000kg this season."

Muhammad Farid Abdul Hadi

"So far, about 4,000kg of cucumbers have been harvested, and we expect yield to exceed 7,000kg this season," he said.

Resident Junainah Saeroni, 45, said the initiative has provided job opportunities and additional income for residents.

"Every day at 5pm, I, along with three friends, go to the farm to collect the produce and pack the cucumbers for sale.

"I am grateful to the government for providing this initiative, which helps improve the community's economy," she said.

Minta dibina klinik haiwan di Pulau Pangkor

SAUDARA PENGARANG,

SAYA merupakan salah seorang daripada penduduk Pulau Pangkor, Perak yang suka membela kucing sebagai haiwan peneman di rumah.

Sejak dulu hingga kini masalah yang dihadapi oleh saya dan warga pulau ini yang suka memelihara haiwan peliharaan adalah ketiadaan klinik haiwan atau veterinar.

Keadaan ini menyebabkan kami terpaksa keluar dari pulau ini untuk mendapatkan rawatan bagi kucing atau anjing peliharaan masing-masing.

Keadaan ini memang menyusahkan kami semua kerana terpaksa menghabiskan sekurang-kurangnya RM20 bagi tiket pergi balik feri untuk mendapatkan rawatan dari klinik haiwan di Seri Manjung

atau Sitiawan.

Kos ini tidak termasuk bayaran perkhidmatan lain seperti teksi dari jeti kerana tidak semua penduduk Pulau Pangkor mempunyai kenalan atau saudara-mara yang boleh membantu dari sudut pengangkutan di tanah besar.

Justeru, saya amat berharap agar pihak berwajib dapat memikirkan satu kaedah untuk membantu pemilik-pemilik haiwan peliharaan di pulau peranginan terkemuka ini.

Cukuplah sekiranya terdapat satu cawangan klinik veterinar ataupun klinik haiwan swasta dibuka di Pulau Pangkor kerana ia sangat-sangat membantu kami selaku pemilik haiwan peliharaan.

INTAN SYUHADA ALI

Kampung Teluk Kecil, Pulau Pangkor



PEMILIK kucing di Pulau Pangkor terpaksa membawa haiwan itu ke tanah besar seperti di Manjung untuk menerima rawatan.

16 tonnes of smuggled pork seized

KOTA BHARU: The 8th Battalion of the General Operations Force (GOF) has foiled an attempt to smuggle 16,000kg of pork carcasses after intercepting two lorries along Jalan Besar Kampung Apal on the Kelantan-Terengganu Highway on Saturday.

Southeast Brigade commander Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid said the lorry drivers failed to produce valid documents for the goods, which are suspected to have been smuggled from Thailand for sale in the local market.

Two drivers and a lorry attendant – all Indian nationals aged between 23 and 46 – were arrested.

The seized pork and the two lorries are valued at an estimated RM1.04 million and have been handed over to the Terengganu Veterinary Department for further action.
– Bernama

Program Smart SBB BERNAS bantu tingkat pengeluaran padi di Sabah

KOTA KINABALU — Pesawah di Kota Belud kini mampu menikmati hasil pengeluaran lebih tinggi selepas menyertai program Smart Sawah Berskala Besar (SBB) Ala Sekinchan di bawah syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS).

Salah seorang peserta program berkenaan ialah Adlin Mohamad, 51, iaitu petani generasi ketiga yang meneruskan usaha arwah bapanya di Kampung Jawi-Jawi, dekat sini.

Berminat dengan bidang pertanian sejak berusia 18 tahun, lelaki ini sempat mengusahakan tanaman padi secara tradisional, antaranya menggunakan kerbau untuk membajak sawah sebelum berubah kepada sistem yang lebih moden.

Antara teknologi yang diaplikasikan dalam perusahaannya hari ini termasuk penggunaan jentera membajak, serta teknologi dron untuk memantau sawah.

Kini, Adlin memainkan peranan lebih strategik untuk menyelia operasi dan menguruskan sepasukan petani, menggabungkan bersama pengalaman tradisionalnya dengan kaedah pertanian moden.

Kebanyakan tanggungjawab beliau kini lebih tertumpu pada soal pemantauan, perancangan serta pengurusan dan bukannya kerja fizikal semata-mata.

Rutin kerja hariannya bermula daripada aktiviti tinjauan di kawasan sawah, kemudian membuat penjadualan bagi kerja-kerja penyelenggaraan tanaman.

Adlin memberitahu, terdapat beberapa cabaran utama yang dihadapi oleh petani zaman sekarang.

Antaranya peningkatan kos untuk kerja-kerja membajak tanah, selain peningkatan harga jualan ra-



ADLIN, pesawah generasi ketiga di Kampung Jawi-Jawi, Kota Belud telah beranjak daripada penggunaan kerbau kepada jentera membajak dan dron.



ADLIN

cun yang dianggarkan beliau sekitar 50 hingga 70 peratus.

"Alhamdulillah, baru-baru ini kita telah dibantu oleh kerajaan

yang meningkatkan subsidi harga padi dan harga lantai padi.

"Bagaimanapun, kalau boleh kami memohon kepada kerajaan supaya turut membantu dari segi penetapan kos racun dan pembajakan.

"Selain itu, harga siling juga harus dikawal supaya pihak kontraktor tidak boleh sewenangnya menaikkan harga," katanya ketika ditemui pada program Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2025 di sini, baru-baru ini.

Pada masa sama, Adlin turut berterima kasih kepada pihak BERNAS kerana telah memilih Kampung Jawi-Jawi untuk projek Smart

SBB pertama di Sabah pada tahun 2023.

Terdapat 19 peserta program Smart SBB di Kampung Jawi-Jawi. Menurut beliau, menerusi penyertaan dalam projek tersebut, para petani kampung berkenaan, yang mengusahakan tanaman padi seluas lebih kurang 41 hektar telah berjaya meningkatkan ekonomi mereka berbanding dahulu.

Tambahnya, bimbingan yang diberikan oleh BERNAS turut membantu mereka mengubah cara bekerja daripada kaedah tradisional kepada moden.

"Menggunakan kaedah tradi-

hasil lebih kurang dua hingga tiga tan metrik per hektar (mt/ha).

"Dengan projek Smart SBB ini, kami berjaya memperoleh hasil sebanyak 4.11 tan mt/ha pada musim pertama.

"Dan lebih membanggakan lagi, tahun ini kami telah mencapai hasil sebanyak 4.56 mt/ha," ujar beliau.

Adlin juga menzahirkan rasa syukur kerana semua peserta program tersebut dibekalkan dengan benih padi TR8, iaitu benih yang sesuai dengan keadaan di kawasan kampungnya selain turut memiliki rintangan tinggi terhadap serangan serangga.

"Tetapi kalau boleh, kami ingin memohon agensi pertanian untuk membekalkan varieti benih padi yang baharu dan terkini.

"Ini kerana kami telah lama menggunakan benih TR8 ini, jadi mungkin terdapat varieti baharu yang lebih baik dan boleh meningkatkan lagi hasil pertanian di kawasan kami," jelasnya.

Sebagai penyumbang kepada usaha memastikan keterjaminan makanan negara melalui penghasilan makanan ruji, Adlin turut berkongsi harapan besar bagi masa depan industri ini.

Beliau berharap pihak kerajaan akan terus membantu para petani dalam pelbagai bidang seperti melalui program Smart SBB.

"Kami mohon agar program seperti ini diteruskan dan diperluaskan lagi di Sabah, dan peruntukan untuknya ditambah oleh semua agensi yang berkaitan.

"Selain itu, kami juga ada mengalami sedikit masalah infrastruktur, jadi kami berharap kerajaan dapat menambah peruntukan untuk pembangunan infrastruktur yang diperlukan," katanya.

KAEDAH dan teknologi penanaman padi di Sekinchan, Kuala Selangor antara yang menjadi petunjuk kepada program Smart Sawah Berskala Besar oleh Bernas.



KON YEOW (tengah) merasmikan Program Durian Outreach 2025 di Rain Tree Farm, Taman Permatang Tinggi Indah, Machang Bubuk, Bukit Mertajam kelmarin.

Kukuh nama P. Pinang di peta durian negara

- **Tupai king, cenderawasih tambah nilai varieti baharu raja buah**
- **Jadi destinasi utama agropelancongan**

Oleh SAFINA RAMLI

GEORGE TOWN – Durian tupai king (D214) dan cenderawasih antara varieti baharu yang sedang dinilai Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk didaftarkan bagi mengukuhkan kedudukan negeri itu sebagai pengeluar durian premium serta menembusi pasaran antarabangsa.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow berkata, langkah tersebut akan sahaja dapat memperluas pilihan varieti tempatan, malah berpotensi mengangkat

Pulau Pinang sebagai destinasi utama agropelancongan durian di negara ini.

"Usaha ini akan mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang dalam peta durian negara dan membolehkan lebih banyak varieti tempatan memasuki pasaran global," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Durian Outreach 2025 di Rain Tree Farm, Taman Permatang Tinggi Indah, Machang Bubuk, Bukit Mertajam, dekat sini kelmarin.

Menurutnya, kejayaan memperkenalkan durian tokon top (D220) dari Cherok Tokun, Seberang Perai Tengah sebelum ini telah membuktikan kemampuan sektor pertanian negeri bersaing dalam pasaran durian premium di peringkat antarabangsa termasuk Thailand dan China.

Dalam pada itu katanya,

Jabatan Pertanian juga berancang untuk mendaftarkan varieti durian kampung di negeri ini.

"Langkah ini bertujuan menambah nilai durian di peringkat akar umbi, menarik minat penggemar serta meningkatkan hasil penguasaan tempatan," katanya.

Sementara itu, Kon Yeow berkata, kerajaan negeri sedang membangunkan Penang Durian Valley@Relau sebagai hab penyelidikan dan pendidikan durian yang dijangka siap pada suku pertama 2027.

"Pusat ini akan menjadi lokasi penyatuan varieti tempatan termasuk klon premium, selain berfungsi sebagai pusat pembelajaran," katanya.

Tambahnya, promosi durian Pulau Pinang kini giat dijalankan ke negara luar termasuk China, Singapura, India, Australia, Eropah dan Timur Tengah.